

**ANALISA TAHAP KESEDARAN MENGENAI ZAKAT HARTA DAN WAKAF TUNAI DI MALAYSIA: ADAPTASI SKALA HAIYANG CHEN & RONALD P. VOLPE DAN EUGENE M. SCHWARTZ DALAM PERTANDINGAN KUIZ MALAYSIAN ISLAMIC SOCIAL FINANCIAL LITERACY (MISFL 2020)**

*Analysis The Level of Awareness on Property Zakat and Cash Waqf In Malaysia: Adaptation of The Haiyang Chen & Ronald P. Volpe and Eugene M. Schwartz Scale In The Malaysian Islamic Social Financial Literacy Quiz Competition (Misfl 2020)*

**Ana Shakirah Md Sapir<sup>1\*</sup>**  
**Siti Atilia Ahmad Tarusan<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Sekolah Perniagaan Pascasiswazah, Universiti Malaya

\*Corresponding author (Email: [anashakirah.kdu@gmail.com](mailto:anashakirah.kdu@gmail.com))

Received: 26 August 2021, Reviewed: 31 August 2021, Published: 30 September 2021

---

**Abstrak:** *Pertandingan Kuiz Malaysian Islamic Social Financial Literacy (MISFL 2020) yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Kelantan Universiti Malaya (PMKUM) mensasarkan pelajar kolej yang berusia antara 18 -23 tahun. Ia bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang zakat harta dan wakaf tunai dalam kalangan belia yang mengikuti pengajian di kolej. Pertandingan ini diadakan dalam Bahasa Melayu dan dijalankan atas talian selama 15 hari. Soalan-soalan kuiz MISFL 2020 telah direkabentuk oleh individu dalam arena kewangan Islam. Berdasarkan demografik 313 orang peserta kuiz, majoriti peserta kuiz adalah pelajar perempuan Bumiputera berusia 18-19 tahun yang sedang mengikuti pengajian Pra-Universiti dalam bidang Sains. Kajian ini telah mengadaptasi skala kesedaran yang diperkenalkan oleh Haiyang Chen & Ronald P. Volpe dan Eugene M. Schwartz. Gabungan kedua-dua skala ini telah memberikan indikator tahap kesedaran peserta kuiz MISFL 2020 tentang zakat harta dan wakaf tunai adalah rendah, di mana mereka tidak pernah tahu atau tidak ambil peduli mengenai zakat harta dan wakaf tunai. Keputusan T-Test dan ANOVA pula menunjukkan bahawa peserta lelaki luar bandar, yang berusia 20 tahun ke atas, kaum bumiputera, mengikuti pengajian Diploma / Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi Islam mempunyai skor kesedaran zakat harta dan wakaf tunai yang tinggi. Implikasi kajian ialah kempen kesedaran berzakat dan berwakaf perlu diperluaskan sehingga ke peringkat universiti kerana berzakat adalah satu tuntutan, manakala berwakaf adalah satu galakan. Manakala, manfaat instrumen wakaf dari sudut pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas secara percuma pasti dapat juga dinikmati oleh masyarakat bukan Islam sekiranya mereka menyokong usaha untuk menggalakkan wakaf tunai.*

**Kata Kunci:** *Zakat Harta, Wakaf Tunai, Pelajar Kolej, Skala Kesedaran, Pertandingan Kuiz*

**Abstract:** *The Malaysian Islamic Social Financial Literacy Quiz Competition (MISFL 2020), organised by the Kelantanese University of Malaya Students' Council (PMKUM), targets college students aged 18 -23 years. It aims to increase awareness about zakat on wealth and cash waqf among youths studying in college. The competition is held in Malay and runs online for 15 days. Individuals designed the MISFL 2020 quiz questions in the Islamic finance arena. Based on the demographics of 313 quiz participants, most quiz participants are Bumiputera female students aged 18-19 years old pursuing Pre-University studies in Science. This study has adapted the awareness scale introduced by Haiyang Chen & Ronald P. Volpe and Eugene M. Schwartz. Combining these two scales has provided an indicator of the level of awareness of MISFL 2020 quiz participants about zakat on wealth and cash waqf is low, where they never knew or did not care about zakat and cash waqf. The results of the T-Test and ANOVA showed that rural male participants, aged 20 years and above, Bumiputera, pursuing a Diploma / Bachelor's Degree in Islamic Economics, had a high awareness score of property zakat and cash waqf. The study implies that religious authorities should extend the awareness campaign on zakat and waqf to the university level because zakat is a demand, while waqf is an encouragement. Meanwhile, the benefits of waqf instruments in terms of education, health, and basic facilities for free can also be enjoyed by non -Muslims if they support efforts to encourage cash waqf.*

**Keywords:** *Zakat on Wealth, Cash Endowment, College Students, Awareness Scale, Quiz Competition*

---

## PENGENALAN

Zakat harta didefinisikan sebagai salah satu Rukun Islam yang bermaksud penyucian dan pengembangan, dituntut kepada golongan berharta yang melebihi ambang (*nisab*) bagi diagihkan kepada lapan golongan yang telah ditetapkan oleh Al -Quran dan Sunnah (Hamzah, 2019). Manakala, wakaf tunai pula menyumbang kepada perkembangan pusat-pusat Islam di seluruh dunia bagi memudahkan masyarakat Islam setempat dan juga pelawat untuk menunaikan ibadah. Wakaf bermaksud penyerahan harta pemilikan oleh pemilik harta untuk digunakan hingga kiamat kerana Allah Taala (Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2021). Bagi memberi peluang kepada golongan ini untuk turut serta berwakaf, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 telah memfatwakan wakaf tunai dibenarkan dalam masyarakat Islam (Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2021). Ramai yang bersikap negatif terhadap institusi zakat di Malaysia membuatkan pembayar zakat lebih cenderung untuk membayar zakat terus kepada golongan *asnaf* (Othman & Mohamed Adil, 2021). Ramai yang tidak mengetahui bahawa golongan yang berkemampuan juga layak menerima zakat dalam kategori *asnaf fi sabilillah* (Gadot, 2009). Ramai pembayar zakat beragama Islam menganggap yang zakat adalah cukai apabila mereka sudah membayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Ada yang memasukkan wang zakat ke dalam tabung masjid / surau (Hassan, 2019). Manakala, kebanyakan golongan muda zaman kini masih beranggapan wakaf ialah infak kepada projek pembangunan keagamaan semata-mata seperti masjid, sekolah tahfiz dan tanah perkuburan sedangkan ia boleh digunakan untuk kesihatan, pendidikan dan kebajikan awam. Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015) mendedahkan golongan belia yang berusia 18-23 tahun adalah golongan pelajar yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi. Mengikut posisi kumpulan kaum di Malaysia,

Malaysia Youth Data Bank System (2019) melaporkan sebanyak 62.2% yang beragama Islam, yang memberi gambaran bahawa kesedaran mengenai kewangan sosial Islam terutamanya pelaksanaan zakat harta dan wakaf tunai adalah sesuatu yang penting untuk disuburkan dalam kalangan anak muda.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Maka, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran pembayaran zakat dan menggalakkan golongan muda untuk berwakaf setelah mereka mempunyai pendapatan sendiri nanti, bagi memupuk minat membaca tentang zakat dan wakaf, dan untuk menimbulkan rasa minat untuk mengambil tahu tentang sistem kewangan Islam.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Generasi sekarang perlu mengetahui bahawa pembayaran zakat amat berkait rapat dengan rukun Islam yang kelima. Kefarduan mengenai zakat berdasarkan firman Allah S.W.T dalam Surah An-Nur 24:56. Wakaf adalah penyumbang projek-projek keagamaan sahaja dan pembangunan masyarakat (Mochamad Arif, 2014). Ambo & Md Sapir (2020) ada mengklasifikasikan pelajar pengajian sekular lebih cenderung untuk mencari sendiri maklumat melalui *Google* tanpa merujuk kepada guru yang bertaualiah berbanding dengan mereka yang mengikuti pengajian Islam. Maka dikhuatiri golongan ini lebih suka membuat keputusan pembayaran zakat dan sumbangan wakaf sendiri tanpa merujuk Majlis Fatwa. Kesedaran awal mengenai pelaksanaan zakat harta dan sumbangan wakaf tunai membantu belia Muslim untuk lebih bersemangat untuk mencipta dan mengumpul harta berdasarkan sumber yang halal. Belia yang berjaya iaitu Abdul Rama (2020), peniaga makanan, menyebut keazamannya untuk membayar zakat dan berwakaf sejak dari usia remaja telah menginspirasikannya untuk membuka perniagaan dan membantu lebih 3,000 pemuda seluruh Malaysia untuk berniaga. Beliau ialah penyumbang zakat perniagaan kepada Lembaga Zakat Selangor. Beliau juga aktif dalam sumbangan wakaf tunai bagi sekolah yang mempunyai ramai pelajar dalam kategori miskin bandar.

### **METODOLOGI**

Data dibekalkan oleh PMKUM yang telah menganjurkan pertandingan kuiz MISFL 2020 secara atas talian. Ia menyasarkan pelajar kolej dari seluruh Malaysia yang berusia antara 18 dan 23 tahun. Pertandingan ini telah diadakan pada 15 November sehingga 30 November 2020 melibatkan lebih 20 institusi pengajian seluruh Malaysia. Bagi mengetatkan syarat-syarat penyertaan, pelajar dikehendaki menyatakan umur dan tempat belajar terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk menjawab soalan. *Google Forms* telah ditetapkan terlebih dahulu untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak penganjur.

### **REKABENTUK SOALAN**

Soalan-soalan ini telah diadaptasi daripada kajian lepas. Kesahan dan kejelasan soalan kuiz juga dinilai oleh dua individu yang berpengalaman dalam bidang kewangan Islam. Lapan soalan mengenai zakat harta dan wakaf tunai adalah seperti berikut:

**Jadual 1. Soalan pengetahuan mengenai Zakat Harta dan Wakaf Tunai (jawapan yang betul dalam *italics*)**

<b>Kod</b>	<b>Formulasi soalan</b>	<b>Pilihan jawapan</b>	<b>Adaptasi daripada</b>
ZKT1	Perbelanjaan manakah yang dikenakan cukai oleh kerajaan Malaysia kepada anda?	a) Bayaran zakat harta yang dibuat atas talian b) <i>Bayaran Internet Jalur Lebar</i> c) Yuran peperiksaan SPM d) Yuran keahlian perpustakaan awam	Md Sapir (2016) pada muka surat 73)
ZKT2	Ahmad sedang menjalankan kajian mengenai pendidikan Al-Quran dan bercita-cita ingin membuat masyarakat celik Al-Quran selepas tamat pengajian nanti. Ahmad berasal dari keluarga kaya tapi dia masih meminta bantuan zakat untuk menampung kajiannya. Adakah dia layak mendapat zakat tersebut?	a) <i>Ya, Ahmad layak mendapat bantuan zakat tersebut</i> b) Tidak, Ahmad tidak layak mendapat bantuan zakat tersebut	Md Sapir (2016) pada muka surat 74)
ZKT3	Zakat pendapatan perlu dibayar pada kadar 2.5% sebulan	a) Benar b) <i>Salah</i>	Wan Ahmad & Md Sapir (2019) pada muka surat 305-330.
ZKT4	Bayaran zakat boleh dibuat dengan memasukkan duit zakat ke tabung masjid / surau	a) Benar b) <i>Salah</i>	Hassan (2019).
WKF1	Wang tunai boleh digunakan untuk membeli harta wakaf.	a) <i>Betul</i> b) Salah	Tarusan (2020) pada muka surat 16.
WKF2	Yang mana satu orang di bawah ini ialah termasuk dalam rukun wakaf	a) Asnaf yang menerima bantuan bulanan dari BaitulMal b) Pengguna telekung wakaf di surau Petronas c) <i>Penerima harta wakaf</i> d) Agen Takaful	Tarusan (2020) pada muka surat 27.
WKF3	Wakaf boleh dibayar secara tunai di Bank Negara Malaysia	a) <i>Betul</i> b) <i>Salah</i>	Tarusan (2020) pada muka surat 16.
WKF4	Harta wakaf boleh digunakan sebagai hospital awam	a) <i>Betul</i> b) Salah	Tarusan (2020) pada muka surat 16.

**Sistem Skor yang diperkenalkan oleh Chen & Volpe (1998)**

Kajian ini mengadaptasi skor yang diperkenalkan oleh Chen & Volpe (1998). Pengiraan skor adalah berdasarkan purata skor bagi jawapan yang betul (*mean score*) yang kemudiannya dikategorikan kepada tiga tahap iaitu 80% dan ke atas, 61% -79%, dan 60% dan ke bawah. Bagi Chen & Volpe (1998), pelajar kolej yang mendapat skor 60% dan ke bawah dikira mempunyai tahap literasi yang tidak mencukupi, dan pihak institusi pendidikan dan pihak yang

berkepentingan perlu memainkan peranan untuk menjayakan program-program yang dapat membantu pelajar untuk mencapai tahap literasi yang tinggi.

### Skala Kesedaran yang diperkenalkan oleh Schwartz (2004)

Skala kesedaran yang diperkenalkan oleh Schwartz (2004) bagi menerangkan tahap kesedaran peserta kuiz yang berusia antara 18 hingga 23 tahun ini. Schwartz (2014) membahagikan skala kesedaran ini kepada 5 tahap. Tahap 1 sebagai yang tidak mempunyai kesedaran langsung. Tahap 2 berkemungkinan mereka pernah belajar di sekolah tetapi mereka tidak ambil peduli. Tahap 3 sebagai mereka sedar sebab mereka belajar secara formal di sekolah. Tahap 4 digambarkan mereka tahu kepentingan kerana mereka pernah melaksanakannya, mengikut serta dalam aktiviti yang berkaitan dengannya, menyokong segala usaha yang dijalankan oleh pihak pentadbiran zakat dan wakaf, dan tindakan mereka disokong oleh ahli keluarga, sanak saudara dan masyarakat. Tahap 5-pula peserta kuiz sendiri menwar-warkan kebaikan berzakat dan berwakaf kepada masyarakat dan mengajak masyarakat untuk menyertainya.

Setiap jawapan yang diberikan oleh para peserta kuiz untuk lapan soalan dalam Jadual 1 digunakan oleh pengkaji untuk mengira peratusan min bagi skor kesedaran zakat harta dan wakaf tunai. Pengiraan peratusan min untuk setiap jawapan yang betul diklasifikasikan mengikut tahap seperti yang dicadangkan oleh Chen & Volpe (1998) dan Schwartz (2004) dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2. Skor dan Skala Kesedaran Zakat Harta & Wakaf Tunai**

Tahap Pengetahuan	Julat Skor	Skala Kesedaran Schwartz (2004)
Terlalu Tinggi	81% - 100%	Tahap 5- Menwar-warkan kebaikan berzakat dan berwakaf kepada masyarakat dan mengajak masyarakat untuk menyertainya.
Tinggi	61% - 80%	Tahap 4- Ikut serta untuk berzakat dan berwakaf bagi menyokong usaha mempertingkatkan ekonomi Islam
Sederhana	41% - 60%	Tahap 3- Sedar akan kepentingan pembayaran zakat harta dan wakaf tunai, dan ambil peduli
Rendah	21% - 40%	Tahap 2- Sedar akan kepentingan pembayaran zakat harta dan wakaf tunai, tapi tidak ambil peduli
Terlalu Rendah	0% - 20%	Tahap 1 – Tiada kesedaran mengenai zakat harta dan wakaf tunai

Sumber: Adaptasi daripada Chen & Volpe (1998) dan Schwartz (2004)

## DAPATAN KAJIAN

**Jadual 3. Demografik Peserta Kajian**

Demografi	Bilangan peserta (N=313)	Peratusan (%)
<b>Tempat Tinggal</b>		
Bandar	131	41.9
Luar Bandar	182	58.1
<b>Jantina</b>		
Lelaki	81	25.9

Perempuan	232	74.1
<b>Umur</b>		
18-19	242	77.3
20-21	46	14.7
22-23	25	8.0
<b>Kaum</b>		
Bumiputera		
▪ Semenanjung Malaysia	227	72.5
▪ Sabah	15	4.8
▪ Sarawak	34	10.9
Cina	30	9.6
India	7	2.2
<b>Tahap Pengajian</b>		
Pra-Universiti	217	69.3
Sijil	14	4.5
Diploma	19	6.1
Ijazah Sarjana Muda	63	20.1
<b>Bidang Pengajian</b>		
Sains	172	55.0
Pengajian Islam	43	13.7
Ekonomi	47	15.0
Sastera	51	16.3

**Jadual 4. Peratusan Min untuk Setiap Jawapan yang Betul dalam Setiap Soalan Tahap Pengetahuan**

Soalan	Item	Terlalu Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Terlalu Tinggi
Kod	Soalan pengetahuan mengenai Zakat Harta dan Wakaf Tunai	0%-20%	21% -40%	41% - 60%	61%-80%	80%-100%
ZKT1	Perbelanjaan yang dikenakan cukai				77.00	
ZKT2	Ahmad dan kelayakan menerima zakat	18.80				
ZKT3	Zakat pendapatan pada kadar 2.5%		25.60			
ZKT4	Bayaran zakat ke tabung masjid / surau				70.90	
WKF1	Wang tunai untuk membeli harta wakaf			49.80		
WKF2	Orang yang termasuk dalam rukun wakaf				65.80	
WKF3	Bayaran wakaf tunai di Bank Negara Malaysia		30.40			
WKF4	Harta wakaf sebagai hospital awam				66.00	
	Min jawapan yang betul untuk zakat harta sahaja			48.08		
	Median jawapan yang betul untuk zakat harta sahaja			50.00		

Min jawapan yang betul untuk wakaf tunai sahaja	53.04
Median jawapan yang betul untuk wakaf tunai sahaja	50.00
Min jawapan yang betul untuk semua soalan	50.56
Median jawapan yang betul untuk semua soalan	50.00

**Jadual 5. Skor untuk keseluruhan 4 jawapan zakat harta yang betul berdasarkan demografik dan keputusan ANOVA dan T-Test**

	ZKT1 (%)	ZKT2 (%)	ZKT3 (%)	ZKT4 (%)	Untuk keseluruhan soalan zakat (%)
<b>Tempat Tinggal</b>					
Bandar	78.00	14.00	19.00	21.00	0.4523
Luar Bandar	76.00	23.00	26.00	29.00	0.5014
<i>Keputusan T-Test</i>	<i>0.3830</i>	<i>16.738*</i>	<i>9.5870</i>	<i>8.7610</i>	<i>3.8360*</i>
<b>Jantina</b>					
Lelaki	78.00	21.00	33.00	81.00	53.40
Perempuan	77.00	18.00	23.00	67.00	46.23
<i>Keputusan T-Test</i>	<i>0.1520</i>	<i>1.2450</i>	<i>11.221*</i>	<i>32.919*</i>	<i>0.5130*</i>
<b>Umur</b>					
18-19	74.00	18.00	18.00	24.00	45.35
20-21	89.00	24.00	43.00	35.00	57.07
22-23	88.00	20.00	36.00	24.00	58.00
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>3.6250*</i>	<i>0.4860</i>	<i>8.5000*</i>	<i>1.2030</i>	<i>8.3320*</i>
<b>Kaum</b>					
Bumiputera					
Semenanjung Malaysia	81.00	16.00	13.00	82.00	52.31
Sabah	80.00	27.00	27.00	80.00	53.33
Sarawak	65.00	24.00	6.00	44.00	34.56
Cina	63.00	33.00	13.00	20.00	32.50
India	57.00	14.00	14.00	43.00	32.14
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>2.4910*</i>	<i>1.6640</i>	<i>3.2150*</i>	<i>20.656*</i>	<i>11.137*</i>
<b>Tahap Pengajian</b>					
Pra-Universiti	72.00	18.00	23.00	63.00	43.89
Sijil	79.00	36.00	29.00	79.00	55.36
Diploma	79.00	26.00	32.00	84.00	55.26
Ijazah Sarjana Muda	92.00	17.00	33.00	92.00	58.73
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>3.6740*</i>	<i>1.2080</i>	<i>1.1450</i>	<i>7.8110*</i>	<i>9.0830*</i>
<b>Bidang Pengajian</b>					
Sains	74.00	14.00	24.00	68.00	45.06
Pengajian Islam	81.00	28.00	37.00	84.00	57.56
Ekonomi	83.00	30.00	23.00	64.00	50.00
Sastera	76.00	18.00	24.00	76.00	48.53
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>0.6870</i>	<i>2.9540*</i>	<i>1.1850</i>	<i>2.0210</i>	<i>3.8380*</i>

Nota: \* nilai signifikan pada tahap 0.10 dan ke bawah

**Jadual 6. Skor untuk keseluruhan 4 jawapan wakaf tunai yang betul berdasarkan demografik dan keputusan ANOVA dan T-Test**

	WKF1	WKF2	WKF3	WKF4	Untuk keseluruhan soalan wakaf
<b>Tempat Tinggal</b>					
Bandar	49.00	66.00	36.00	62.00	53.05
Luar Bandar	51.00	66.00	26.00	69.00	53.02
<i>Keputusan T-Test</i>	<i>0.0430</i>	<i>0.0110</i>	<i>11.847*</i>	<i>6.7040*</i>	<i>4.8990</i>
<b>Jantina</b>					
Lelaki	52.00	72.00	35.00	68.00	56.48
Perempuan	49.00	64.00	29.00	66.00	51.83
<i>Keputusan T-Test</i>	<i>0.1200</i>	<i>7.9840</i>	<i>3.1510</i>	<i>0.6480</i>	<i>0.9490</i>
<b>Umur</b>					
18-19	50.00	62.00	29.00	65.00	51.45
20-21	52.00	76.00	35.00	65.00	57.07
22-23	48.00	80.00	36.00	80.00	61.00
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>0.0700</i>	<i>2.8490*</i>	<i>0.5150</i>	<i>1.1650</i>	<i>1.9590</i>
<b>Kaum</b>					
Bumiputera					
Semenanjung Malaysia	50.00	72.00	35.00	72.00	57.27
Sabah	40.00	73.00	13.00	53.00	45.00
Sarawak	47.00	50.00	29.00	62.00	47.06
Cina	50.00	40.00	10.00	33.00	33.33
India	71.00	43.00	14.00	57.00	46.43
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>0.4960</i>	<i>0.4783*</i>	<i>2.7860*</i>	<i>5.2110*</i>	<i>6.4390*</i>
<b>Tahap Pengajian</b>					
Pra-Universiti	72.00	18.00	23.00	63.00	49.54
Sijil	79.00	36.00	29.00	79.00	51.79
Diploma	79.00	26.00	32.00	84.00	63.16
Ijazah Sarjana Muda	92.00	17.00	33.00	92.00	62.30
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>3.6740*</i>	<i>1.2080</i>	<i>1.1450</i>	<i>7.8110*</i>	<i>4.5750*</i>
<b>Bidang Pengajian</b>					
Sains	49.00	64.00	26.00	63.00	50.58
Pengajian Islam	42.00	74.00	44.00	81.00	60.47
Ekonomi	60.00	70.00	32.00	70.00	57.98
Sastera	49.00	61.00	33.00	59.00	50.49
<i>Keputusan ANOVA</i>	<i>0.9640</i>	<i>0.8820</i>	<i>2.0180</i>	<i>2.2270*</i>	<i>2.1800*</i>

Nota: \* nilai signifikan pada tahap 0.10 dan ke bawah

## LIMITASI KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat penerokaan (*explorative*) kerana ingin melihat tahap kesedaran zakat harta dan wakaf tunai dalam kalangan pelajar kolej di Malaysia yang berusia 18 dan 23 tahun sahaja. Mereka yang bukan bergelar pelajar walaupun sebaya dikecualikan terus daripada kajian ini bagi mendapatkan keputusan kajian yang berimpak tinggi. Kajian ini tidak berminat untuk membahaskan zakat dan wakaf secara mendalam seperti perbincangan yang dikendalikan oleh sarjana dalam bidang *fiqh*.

## RUJUKAN



- Abdul Aziz, Y. and Chok, N.V. (2013). 'The Role of Halal Awareness, Halal Certification, and Marketing Components in Determining Halal Purchase Intention among Non-Muslims in Malaysia: A Structural Equation Modeling Approach', *Journal of International Food & Agribusiness Marketing*, 25, pp 1- 23.
- Abdul Rama, M. M. (2020). Interview by Ana Shakirah Md Sapir [Google Meet]. *Pembayaran Zakat dalam Kalangan Usahawan Muslim*. Malaysia: Siswamail.
- Ambo, N.I. and Md Sapir, A.S. (2020). 'Halal Cosmetic Literacy among Malaysian Muslim Undergraduates Based on OECD's Financial Literacy Framework', *Al Bukhary Social Business Journal*, 1(2), pp 113-127.
- Aminnuraliff, M. (2020) *Boleh bayar zakat menerusi Shopee*. *Sinar Harian*. 12 Disember 2020 [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.sinarharian.com.my/article/114541/EDISI/Boleh-bayar-zakat-menerusi-Shopee> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Basir, H. (2020) *Pertandingan Kuiz ASEAN 2020 Dapat Sambutan Hebat*. *Sinar Harian*. 23 November 2020 [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.sinarharian.com.my/article/111495/BISNES/Pertandingan-Kuiz-ASEAN-2020-dapat-sambutan-hebat> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Cao, J. (2021) *The 5 stages of Customer Awareness*. [Mesej Log Sesawang]. Diperoleh di laman: <https://www.sproutmarketer.com/stages-of-customer-awareness> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Chen, H. and Volpe, R.P. (1998) 'An Analysis of Personal Financial Literacy Among College Students', *Financial Services Review*, 7(2), pp. 107-128.
- Cho, Y. C., and Sagynov, E. (2015). 'Exploring Factors that affect usefulness, ease of use, trust, and purchase intention in the online environment', *International Journal of Management & Information Systems – First Quarter 2015*, 19(1), pp 21- 36.
- Dewi Pertiwi, Widjojo Suprpto, and Eric Pramata (2020). 'Perceived Usage of E-Wallet among the Y Generation in Surabaya Based on Technology Acceptance Model', *Jurnal Teknik Industri*, 22(1), pp 17- 24.
- Eletrebi, M. F., Suleiman, H. and Abdul Aziz, M. N. (2019, August 6). *The developmental objectives (maqasid) of zakah institution in Kedah*. Kertas Kerja dibentangkan di 1<sup>st</sup> Kedah International Zakat Conference 2019 (KEIZAC 2019), 6 Ogos 2019, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN), Kedah.
- E-Pay@UM (2020) *Kini anda boleh lakukan pembayaran dengan pelbagai cara*. *Universiti Malaya*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://epay.um.edu.my/> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Google Scholar (2021). *Haiyang Chen*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://scholar.google.com/citations?user=IDBovI4AAAAJ&hl=en&oi=sra> (Diakses pada: 10 Februari 2021).
- Hassan, H. (2019) *Mana lebih utama, sedekah atau zakat?* *Sinar Harian*. 14 Julai 2020 [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.sinarharian.com.my/article/37371/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Mana-lebih-utama-sedekah-atau-zakat> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Huston, S.J. (2010). 'Measuring Financial Literacy', *Journal of Consumer Affairs*, 44 (2), pp 296-316.

- Institut Kimia Malaysia (2020) *Kuiz Kimia Kebangsaan Malaysia (K3M) 2020*. IKM. Org. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://ikm.org.my/pdf/event/h769xkk179qmbf5j.pdf> (Diakses pada : 30 Januari 2021).
- Jabatan Statistik Malaysia (2019) *Household Income & Basic Amenities Survey Report 2019*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=120&bul\\_id=TU00TmRhQ1N5TUxHVWN0T2VjbXJYZz09&menu\\_id=amVoWU54UT10a21NWmdhMjFMMWcyZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=120&bul_id=TU00TmRhQ1N5TUxHVWN0T2VjbXJYZz09&menu_id=amVoWU54UT10a21NWmdhMjFMMWcyZz09) (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Lembaga Zakat Selangor (2020), *Prestasi LZS semasa Covid 19* [Atas Talian], Diperoleh di laman: <https://www.zakatselangor.com.my/informasi/laporan-aktiviti-zakat/> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Li, C., Miroso, M. and Bremer, P. (2020). 'Review of Online Food Delivery Platforms and their Impacts on Sustainability, MDPU', *Open Access Journal*, 12(14), pp 1-10.
- Love, C. (2021) *5 Reasons to Use Google Forms with your students*. [Mesej Log Sesawang]. Diperoleh di laman: <https://www.technokids.com/blog/apps/reasons-to-use-google-forms-with-your-students/> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Lusardi, A., and Mitchell, O.S. (2014). 'The Economic Importance of Financial Literacy : Theory and Evidence', *Journal of Economic Literature*, 52 (1), pp 5-44.
- Mahamud, R. (Pembentang). (2018, Mei 12). *Majlis Pelancaran Pertandingan Kuiz Kualiti Air Sekolah Menengah Seberang Perai*. Taman Eko Rimba, Pulau Pinang: Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021) *Maksud Wakaf*. <https://www.majj.gov.my/wakaf/maksud-wakaf> [Atas Talian]. Diperoleh di laman: (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Makhsin, M. & Ilias, M.F. (2019, August 6). *Pengetahuan, kemahiran dan sikap asnaf dalam keusahawanan dan perniagaan*. Kertas Kerja dibentangkan di 1<sup>st</sup> Kedah International Zakat Conference 2019 (KEIZAC 2019), 6 Ogos 2019, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Kedah.
- Malaysia Youth Data Bank System (2019) *Statistik populasi penduduk & penduduk belia mengikut kategori umur, Jantina, Etnik, Daerah & Negeri di Malaysia*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=134> (Diakses pada: 04 September 2020).
- Md Sapir @ Shafik, A.S. and Wan Ahmad, W.M. (2020), 'Financial Literacy among Malaysian Muslim Undergraduates', *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11 (8), 1515 - 1529.
- Md Sapir, A.S. (2016). *Islamic Financial Literacy among Malaysian undergraduates*. Unpublished Master's thesis. University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Md Sapir, A.S. and Abd. Halim, Z.A. (2020), 'Analisis Pemahaman Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya', *Jurnal Syariah*, 28 (2), pp 189-262.
- Mochammad Arif Budiman. (2014). 'The Significant of Waqf for Economic Development,' *Equilibrium Quarterly Journal of Economics and Economic Policy*, 2(1), 19-34.

- Mohamed Adil, M.A (Interviewer). (2021, January 26). Interview with CEO Lembaga Zakat Negeri Kedah, Ybhg Tuan Syeikh Zakaria bin Othman in *Transformasi Digital dalam Lembaga Zakat Negeri Kedah: Pengalaman & Cabaran* [Facebook Live]. Kuala Lumpur, Malaysia International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS). Available at: <https://www.facebook.com/zakatkedah/videos/172481774247079> (Accessed: 26 January 2021).
- Parker, K. and Igielink, R. (2020) *On the Cusp of Adulthood and Facing an Uncertain Future: What We Know About Gen Z So Far*. *Pew Social Trends*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.pewsocialtrends.org/essay/on-the-cusp-of-adulthood-and-facing-an-uncertain-future-what-we-know-about-gen-z-so-far/> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (2015) *Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Penerbitan/Buku%20statistik/BUKU%20STATISTIK%202015%20KPWKM.pdf> (Diakses pada: 04 September 2020).
- Pew Research Center (2015) *The Future of World Religions: Population Growth Projections 2010-2015*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.pewforum.org/2015/04/02/religious-projections-2010-2050/> (Diakses pada: 30 Januari 2021).
- Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) (2011-2017), *Laporan Kewangan Kewangan Zakat 2011-2017*. Kuala Lumpur : Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Sabri, M.F., Cook, C.C., and G. Gudmunson, C. (2012). 'Financial well-being of Malaysia college students', *Asian Education and Development Studies*, 1 (2), pp 153-170.
- Schwartz, M.E. (2004). *Breakthrough Advertising*. 2<sup>nd</sup> Ed. New Jersey : USA.
- Statistik Pengajian Tinggi (2018) *Bilangan enrolmen bagi pelajar tempatan berdasarkan negeri kelahiran*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/pendidikantinggi/buku-perangkaan/2018-10/2402-statistik-pendidikan-tinggi-2018- bab-2-pdf/file> (Diakses pada: 04 September 2020).
- Statistik Pengajian Tinggi 2018, 'Bilangan enrolmen bagi pelajar tempatan berdasarkan negeri kelahiran, <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/pendidikantinggi/buku-perangkaan/2018-10/2402-statistik-pendidikan-tinggi-2018- bab-2-pdf/file>, dicapai pada 04 September 2020.
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (2019). *Statistik Syarikat & Perniagaan bagi Tahun 2020*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Publication/Statistics/Companies%20and%20Business%20Registered/Statistik%20Syarikat%20&%20Perniagaan%20bagi%20Tahun%202020/Statistik-Syarikat-&-Perniagaan-bagi-Tahun-2020.aspx> (Diakses pada: 30 Januari 2021)
- Tarusan, S.A. (2020). *Determinants of Waqf Intention among Selected University of Malaya Students*. Unpublished Master's thesis. University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Wan Ahmad, W.M. & Md Sapir, A.S. (2019) 'Women and Zakat on Banking Deposits,' dalam Nurhafilah Musa & Najah Nadiyah Amran (eds.) *Muslim Women's Inspiration Towards*

*Sustainable Development Goals*. Selangor, Malaysia : Persatuan Ulama Malaysia, pp 305-330.

Wan Ahmad, W.M. and Md Sapir @ Shafik, A.S. (2020). 'Zakat on Banking Deposits among Urbanite Malaysian Muslims', *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2(1), pp 97- 104.

Waseda University (2017). *Ever Growing Muslim Community in the World and Japan*. [Atas Talian]. Diperoleh di laman: <https://www.waseda.jp/top/en/news/53405> (Diakses pada: 30 Januari 2021).

Yayasan Waqaf Malaysia (2019). *Laporan Tahunan Yayasan Waqaf Malaysia 2019*. Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia.